

# Al-Quran digital

## Bicara Qiraat

Oleh **KHAIRUL ANUAR MOHAMAD**

**P**ERKEMBANGAN teknologi pada hari ini memberi banyak manfaat. Manusia dapat menguruskan sesuatu perkara dengan mudah dalam masa yang singkat. Jika dahulu al-Quran ditulis dalam bentuk mushaf telah memberi banyak kemudahan kepada umat Islam untuk tujuan pembacaan dan memahaminya. Namun setiap mushaf yang ditulis memerlukan masa yang lama untuk disiapkan.

Tetapi dengan terciptanya alat percetakan, al-Quran boleh dicetak dengan jumlah yang banyak dalam waktu yang singkat. Sebagai contoh Percetakan Malik Fahd di Arab Saudi sejak mula ditubuhkan hingga sekarang telah mencetak lebih 100 juta naskhah al-Quran. Ini tidak dikira lagi percetakan al-Quran di negara Islam yang lain seperti Mesir, Libya, Lubnan, Malaysia, Indonesia, India dan lain-lain.

Penghasilan al-Quran terus melangkah ke hadapan dengan terhasilnya al-Quran dalam bentuk rakaman sama ada melalui piring hitam atau kaset. Ramai qari terkenal telah merakam bacaan al-Quran 30 juzuk sama ada dari negara Arab atau di Malaysia sendiri. Dengan itu bacaan al-Quran boleh didengar dengan jelas walaupun dalam situasi yang sibuk seperti ketika memandu kenderaan dan sebagainya.

Pada hari ini penggunaan piring hitam dan kaset sudah ketinggalan zaman. Kerosakan banyak berlaku pada alat tersebut dan menyebabkan bacaan al-Quran yang dimainkan juga terjejas. Teknologi terus berkembang. Kecanggihan pemikiran dan kreativiti umat Islam telah dapat menghasilkan al-Quran dalam bentuk digital.

Al-Quran digital ini mempunyai banyak bentuk. Ada yang berbentuk paparan ayat al-Quran di skrin sama ada melalui telefon bimbit atau komputer dan pembaca dapat

membaca mengikut surah mana yang dikehendaki dengan sekadar menaip surahnya sahaja. Ada juga yang berbentuk paparan ayat al-Quran bersekali dengan suara bacaan dari qari terkenal seperti Syeikh Mahmud Khali Khusari, Syeikh Sudaïs, Syeikh Saud Syuraim, Syeikh Abdul Basit dan lain-lain.

Selain itu ada juga bacaan al-Quran sahaja. Penghasilan al-Quran dalam bentuk digital ini sebenarnya adalah untuk membantu umat Islam menjadi lebih dekat kepada al-Quran. Alasan tidak ada masa untuk membaca al-Quran kerana sibuk dengan tugas harian sebenarnya tidak boleh lagi menjadi hujah. Suri rumah yang sibuk dengan mengemas rumah sepanjang hari boleh memainkan bacaan al-Quran dan mendengarnya sambil berkemas.

Pegawai yang bekerja di pejabat boleh memainkan bacaan al-Quran dengan suara yang perlahan sambil meneruskan kerja. Namun semua itu mestilah menjaga adab-adab supaya tidak mengganggu rakan kerja yang lain.

Sebagai peringatan, dalam kita mencari *manakah* al-Quran digital yang sesuai untuk kita miliki pastikan al-Quran digital yang hendak dibeli mempunyai sijil pengesahan dari Lajnah Tashih al-Quran, Kementerian Dalam Negeri. Banyak permohonan dari syarikat pengeluar agar al-Quran digital disemak dan disahkan oleh Lajnah Tashih namun banyak yang ditolak kerana terdapat kesalahan yang tidak boleh dibaiki antaranya tulisan ayat di paparan tidak mengikut Rasm Uthmani, salah dari sudut dabt, salah bacaan dan lain-lain.

**KHAIRUL ANUAR MOHAMAD** ialah Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. Beliau juga adalah Ahli Lajnah Tashih al-Quran Kementerian Dalam Negeri.

Al-Quran  
oleh Allah kepada kamu (di  
dalam Kitab Taurat  
mengenai kebenaran Nabi  
Muhammad) untuk  
menjadikannya hujah (bukti)  
yang dapat mengalahkan

**KECANGGIHAN**  
pemikiran dan  
kreativiti umat  
Islam telah  
menghasilkan  
al-Quran dalam  
bentuk digital.  
-Gambar hiasan

